

18 SEP 2003

KAUNTER PERTANYAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA DI SETIAP NEGERI

KUANTAN, 18 Sept (Bernama) -- Kementgerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan mewujudkan kaunter pertanyaan di setiap pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri dan daerah bagi menyediakan maklumat terperinci mengenai bantuan dan insentif untuk orang kurang upaya.

Menteri berkenaan, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata kaunter itu akan diwujudkan secepat mungkin selaras dengan pelbagai kemudahan dan insentif menarik yang disediakan oleh kerajaan menerusi Bajet 2004 yang dibentangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jumaat lepas.

"Langkah ini juga akan memudahkan kerja JKM dalam menentukan jumlah orang kurang upaya dan untuk mendaftarkan mereka," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Sehingga kini, katanya, kira-kira 125,000 orang kurang upaya telah mendaftar dan menerima bantuan daripada kerajaan.

Berdasarkan Bajet 2004 baru-baru ini juga, kerajaan bercadang memberi elaun bulanan RM25 seorang kepada pelajar kurang upaya di sekolah rendah dan menengah bagi menggalakkan mereka menimba ilmu. Kerajaan juga bercadang agar elaun bulanan RM300 juga dinikmati oleh semua pelajar kurang upaya di institusi pendidikan tinggi kerana ketika ini, hanya pelajar kurang upaya pendengaran di IPT diberi elaun berkenaan.

Zaharah berkata keluarga yang mempunyai tanggungan orang kurang upaya diminta mengunjungi kaunter pertanyaan itu bagi mengetahui tentang insentif yang terkandung dalam Bajet 2004 itu.

-- BERNAMA
TSS LIB MAI